

# **Kesan Sejarah Dan Tempat-Tempat Menarik**

**Negeri Sarawak  
Bumi Kenyalang**

**Mohamed Roselan Abdul Malek**



**Oscar Book International**

Telefon: 242911

Telefax: (082) 246552

Bil Tuan:

Bil Kami:

Tarikh: 10hb. November, 1997



## Kata-Kata Aluan

**S**aya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi penghormatan untuk memberi sepatah dua kata di dalam buku "Siri Kesan Sejarah Dan Tempat-Tempat Menarik di Malaysia."

Perkembangan pesat Perpustakaan Negeri Sarawak sebagai sumber maklumat dan dapat dibuktikan dengan bilangan yang kenal huruf meningkat di Sarawak. Kini, perkhidmatan Perpustakaan Negeri Sarawak tidak hanya diberi kepada penduduk di kawasan bandar sahaja malah telah diperluaskan lagi hingga ke kawasan luar bandar contohnya Perpustakaan Desa. Selain daripada itu, turut disediakan Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak dan Perkhidmatan meminjam buku secara pos. Pelbagai kemudahan disediakan di kawasan luar bandar supaya mereka tidak ketinggalan menikmati bahan bacaan yang terbaru dan memudahkan untuk membuat sebarang rujukan.

Perpustakaan Negeri akan menerajui perkembangan pantas sebagai perpustakaan awam di negeri ini, terutama sebagai pusat perkembangan maklumat untuk generasi yang akan datang.

Akhir kata, syabas dan tahniah di atas usaha murni **Oscar Book International** untuk menerbitkan buku ini dengan jayanya.  
Sekian, terima kasih.

JOHNNY KUEH  
Pustakawan Negeri  
Perpustakaan Negeri Sarawak.

# KANDUNGAN

---

	<i>Muka Surat</i>
Peta	1
Bendera & Lambang	2
Yang di Pertua Negeri	3
Ketua Menteri	4
Sejarah Ringkas Sarawak Bumi Kenyalang	5
Kuching	14
Sibu	16
Grand Old Lady Of Miri	18
Bau	20
Sarikei	22
Bandar Sri Aman	23
Bandar Mukah	25
Bandar Bintulu	27
Kota Margherita	29
Tugu Peringatan Charles Brooke	32
Astana Sarawak	33
Muzium Sarawak	35
Masjid Besar Kuching	37
Rumah Mahkamah	39
Kampung Budaya Sarawak	41
Gunung Santubong	43

---

	<i>Muka Surat</i>
Kubu Alice	46
Kubu Emma	48
Taman Negara Lambir	49
Gua Niah	51
Miri	53
Taman Negara Bako	54
Taman Negara Gunung Mulu	56
Taman Negara Niah	60
Perpustakaan Negeri Sarawak	63

## PETA

### Negeri Sarawak Bumi Kenyalang



## Bendera Negeri Sarawak Bumi Kenyalang



### Lambang

Lambang-lambang tersebut di bawah menggambarkan keteguhan dan semangat cintakan negeri dan negara bagi setiap rakyat. Lambang-lambang ini juga mengingatkan kita tentang perjuangan silam pemerintah-pemerintah terdahulu untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia.

#### *Lambang Negeri Sarawak Bumi Kenyalang*



- 13 jalur pada sayap dan ekor Burung Kenyalang bererti 13 buah negeri di dalam Malaysia.
- Bunga Raya kelihatan di setiap kakinya di bahagian luar menandakan bunga kebangsaan negeri dan negara Malaysia
- Cogankata pada kain rentang berbunyi "Hidup Selalu Berkhidmat".

## YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK



Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi (Dr.) Haji Ahmad Zaidi Adruce bin Muhammed Noor, S.M.N., S.S.M., D.P., D.U.N.M., D.U.P.N., P.N.B.S., Bintang Mahaputra Adipradana (Indonesia), P.S.L.J. (Brunei). Hon. Dr. Law (U.K.M) dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri Sarawak pada 2 April 1985.

## KETUA MENTERI NEGERI SARAWAK



Yang Amat Berhormat

Datuk Patinggi Tan Sri

(Dr) Haji Abdul Taib Mahmud

D.P., P.S.M., S.P.M.J., S.S.D.K., D.G.S.M., S.S.A.P., S.S.S.A., P.G.D.K.,

KT.WE. (Thailand), KEPN(Indonesia), S.P.M.B.(Brunei),

K.O.U. (Korea)

# **SEJARAH RINGKAS SARAWAK BUMI KENYALANG**

---

**S**arawak ialah negeri yang terbesar di Malaysia. Luasnya ialah 124,000 kilometer persegi, hampir sama dengan keluasan Semenanjung Malaysia. Sarawak mempunyai pantai sepanjang 800 kilometer. Negeri Sarawak juga dikenali sebagai Bumi Kenyalang.

Sarawak terletak di Pulau Borneo, bersempadan dengan Brunei Darussalam dan Sabah di bahagian utara. Di bahagian selatan pula bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia. Bahagian barat iaitu seluruh pantai negeri itu menghadap ke Laut China Selatan.

Sarawak dibahagikan kepada sembilan bahagian. Bahagian-bahagian itu ialah Kuching, Sibu, Sri Aman, Miri, Sarikei, Kapit, Samarahan dan Bintulu. Tiap-tiap bahagian itu dibahagikan pula kepada beberapa daerah. Beberapa daerah tertentu pula dibahagikan kepada daerah-daerah kecil.

Negeri Sarawak dikatakan didiami oleh manusia sejak 40,000 tahun dahulu. Kenyataan ini didasarkan kepada perjumpaan perkakas manusia zaman batu di Gua Niah dan Gunung Subis seperti kapak, pemukul, pisau dan juga lakaran atau lukisan yang diconteng pada dinding gua.

Catatan sejarah ada mengatakan Sarawak pernah tertakluk kepada kuasa Majapahit. Hal ini antara lain didasarkan kepada penggunaan kata Betara bagi nama dewa-dewa di kalangan masyarakat Iban dan Bidayuh. Perkataan ini berasal daripada bahasa Sanskrit dan dipercayai dibawa oleh orang Majapahit ke Sarawak.

Bukti lain berupa perjumpaan sebuah lukisan manusia dalam keadaan meniarap. Adalah dipercayai bahawa lukisan itu merupakan suatu peninggalan zaman pemerintahan kerajaan Hindu Majapahit di negeri ini.

Negeri Sarawak mula didatangi oleh para pedagang asing lebih 1,200 tahun yang lalu. Para pedagang Arab, Cina, India dan pedagang-pedagang dari kawasan yang berdekatan membawa masuk barang-barangan seperti tembikar, sutera, barang-barang logam dan lain-lain. Dari Sarawak pula mereka memperolehi barang-barangan seperti sumbu badak, kapur barus, sarang burung dan lain-lain hasil hutan sebagai barang dagangan.

Di kawasan muara Sungai Sarawak terdapat kawasan-kawasan perdagangan yang aktif hingga kurun ke-13. Dalam tempoh itu, agama Islam dikatakan telah dibawa masuk ke Sarawak. Selepas itu, asas kuasa pemerintahan telah berpindah ke Brunei. Sehingga waktu itu nama Sarawak hanya wujud pada sungai.

Nama Sarawak yang dieja 'Cerava', wujud dalam bahan-bahan bertulis awal abad ke-16. Walau bagaimanapun, asal usul nama Sarawak masih samar-samar.

Bagaimanapun asal usul nama Sarawak dikaitkan dengan Sungai Sarawak. Ada pendapat yang mengatakan bahawa nama Sarawak adalah berasal daripada nama 'Batang Sarawak' atau 'Sungai Sarawak'.

Menurut cerita, nama Sarawak itu berasal daripada perkataan 'serah kepada awak' kerana negeri itu diserahkan oleh Pengiran Muda Hashim kepada James Brooke dalam tahun 1841.

Ada pendapat lain mengatakan nama Sarawak lahir daripada perkataan 'serawak'. Serawak ialah sejenis bijih yang mengandungi belerang dan antimoni. Galian itu diusahakan secara bersungguh-sungguh pada sekitar tahun 1820-an.

Sejarah negeri Sarawak tidak dapat dipisahkan daripada sejarah (negara) kerajaan Brunei. Ini adalah kerana pada awal

kurun ke-19, Sarawak berada di bawah pemerintah Kesultanan Brunei. Pentadbir Sarawak ialah Pangeran Mahkota. Beliau dilantik oleh Sultan Brunei. Pangeran Mahkota memerintah Sarawak dengan zalim. Penduduk Sarawak bangun menentangnya. Sultan Brunei menghantar Raja Muda Hashim untuk mengamankan keadaan kacau-bilau di Sarawak.

Dalam tahun 1839, seorang pengembara Inggeris bernama James Brooke datang ke Kuching. Dia membawa banyak hadiah untuk Pangeran Muda Hashim kerana telah menolong dan memberi makan minum kepada kelasi kapal Inggeris yang karam di pinggir pantai Sarawak. Mereka menjadi sahabat baik.

Pangeran Muda Hashim ialah bapa saudara Sultan Brunei yang sedang memerintah pada masa itu, iaitu Sultan Omar Ali Saifuddin II.

Bagaimanapun Pangeran Muda Hashim gagal untuk mengamankan Sarawak terutamanya ketika menentang Datu Patinggi Ali dan pengikut-pengikutnya. Pangeran Muda Hashim terpaksa meminta bantuan daripada James Brooke.

Setelah setahun meninggalkan Sarawak, James Brooke membuat keputusan untuk datang semula ke Sarawak kali kedua. Pangeran Muda Hashim meminta James Brooke membantunya dalam menjalankan tugas yang berat iaitu mendamaikan bumi Sarawak.

Pangeran Muda Hashim berjanji akan menghadiahkan bandar Kuching dan daerah Siniawan kepada James Brooke sekiranya Sarawak dapat diamankan. Selain itu beliau akan dijadikan 'Raja Sarawak'. James Brooke menerima dengan senang hati. Tanpa berlengah lagi, James Brooke mengatur rancangannya untuk menentang Datu Patinggi Ali dan pengikutnya. Dalam pertempuran yang pertama, pasukan Datu Patinggi Ali telah menang.

Walaupun askar Pangeran Muda Hashim dan askar James Brooke sama-sama melawan musuh tetapi didapati banyak pengikut Pangeran Muda Hashim yang tidak tahu selok belok peperangan. Kekalahan pasukan James Brooke tidak berterusan. Akhirnya pada Disember 1840, askar James Brooke mencapai

kemenangan semasa berperang di suatu tempat bernama Sekudis.

Setelah pasukan Datu Patinggi Ali sedar mereka tidak dapat melawan pihak James Brooke, beberapa orang wakil telah datang berjumpa James Brooke untuk mengaku kalah dan meminta berdamai.

James Brooke tidak bermatiat untuk menentang Datu Patinggi Ali, jadi beliau bersetuju untuk berdamai. Tujuan utama pihak Datu Patinggi Ali berdamai adalah supaya James Brooke dilantik menjadi raja menggantikan Pangeran Mahkota yang zalim itu.

Pangeran Muda Hashim tidak memahami sikap James Brooke berbaik-baik dengan Datu Patinggi Ali. Beliau mula merasa syak wasangka terhadap kejujuran James Brooke. Pangeran Mahkota mengambil kesempatan ini untuk mempengaruhi Pangeran Muda Hashim supaya bersatu dengannya menentang James Brooke. Pangeran Muda Hashim bersetuju dengan tindakan yang akan dilakukan oleh Pangeran Mahkota.

Untuk menentang James Brooke dan Datu Patinggi Ali, Pangeran Mahkota telah mengumpulkan orang-orang Iban, Melayu, Cina dan Bidayuh tetapi rancangannya gagal.

James Brooke bercadang untuk menghalau Pangeran Mahkota demi keselamatan dan kepentingan beliau. James Brooke telah melabuhkan kapal beliau, 'Royalist' berhampiran istana Pangeran Muda Hashim dan menghalakan meriam dalam kapal itu ke arah istananya.

Pangeran Muda Hashim tidak ada pilihan lain kecuali bersetuju untuk melantik Charles Brooke sebagai Raja Sarawak. Pangeran Mahkota dipecat daripada tugasnya sebagai wakil Sultan Brunei.

Pada 24 September 1841, Pangeran Muda Hashim telah mengisyiharkan James Brooke sebagai Raja Sarawak yang pertama. Istiadat ini telah diadakan di suatu kawasan lapang di bandar Kuching dan disaksikan oleh penduduk Sarawak.

Suatu surat perjanjian telah ditulis memberikan kuasa penuh kepada James Brooke untuk memerintah dan mentadbir Sarawak dengan cara yang sebaik-baiknya. James Brooke juga berjanji

tidak akan mencampuri hal ehwal adat istiadat penduduk Sarawak.

Oleh kerana Sarawak masih lagi di bawah kuasa Sultan Brunei, James Brooke dikehendaki membayar wang kepada Sultan Brunei dan beberapa orang pembesar baginda.

Setelah menjadi Raja Sarawak, James Brooke telah memecat orang besar-besar Brunei dan menggantikannya dengan ketua-ketua orang Melayu termasuk Datu Patinggi Ali. Beliau sentiasa merapatkan hubungan dengan pemimpin tempatan dan juga rakyat Sarawak.

James Brooke sedar bahawa kedudukan beliau sebagai Raja Sarawak bukanlah kekal. Untuk menjamin kedudukannya, beliau telah membuat beberapa undang-undang seperti memberikan hak yang sama kepada semua golongan rakyat untuk menjalankan apa jenis pekerjaan dan perniagaan.

Manakala puak-puak Dayak diberi perlindungan khas supaya tidak diganggu oleh orang lain. Hal-hal pungutan cukai, mata wang dan lain-lain dikendalikan oleh James Brooke sendiri. Mahkamah juga diadakan untuk menghukum orang yang salah.

Walaupun pelbagai usaha memajukan Sarawak dijalankan tetapi James Brooke menghadapi masalah lanun dan juga pertentangan daripada penduduk tempatan. Salah seorang daripada mereka ialah Sharif Sahap. Beliau merupakan seorang pembesar Brunei yang ditugaskan menjadi ketua pemerintah di suatu kawasan yang bernama Sungai Sekrang dan kemudiannya Sadong.

Bagi mengatasi masalah lanun, James Brooke telah meminta pertolongan seorang Inggeris yang pada masa itu berada di Singapura yang bernama Kapten Henry Keppel. Henry Keppel ialah seorang panglima perang laut yang berpengalaman. Beliau telah membawa beberapa buah kapal perang ke Kuching.

Bagaimanapun, Sharif Sahap dan Pangeran Mahkota telah membina kubu yang lengkap dengan meriam dan senjata lain di suatu kawasan bernama Pemutus. Kubu itu tidak dapat

menahan serangan Inggeris dan kubu di Pemutus itu berjaya ditawan. Sharif Sahap melarikan diri ke Pontianak, Kalimantan.

Selain itu, James Brooke juga mendapat tentangan daripada orang-orang Iban Saribas dan orang Iban Sekrang. Dalam salah satu peperangan menentang orang Iban Sekrang, Datu Patinggi Ali telah terbunuh. James Brooke menang dalam pertempuran itu.

Dalam tahun 1844, James Brooke bersama seorang pegawai British, Pangeran Muda Hashim dan Pangeran Badaruddin (adik Pangeran Hashim) telah menghadap Sultan Brunei, meminta Sultan Brunei menulis surat kepada Queen Victoria iaitu Raja British dengan tujuan meminta pertolongan menghapuskan lanun di sekitar Pulau Borneo. Sebagai balasan, Sultan Brunei bersetuju menyerahkan Pulau Labuan kepada British.

Kemudian James Brooke telah pergi ke Singapura untuk mendapatkan bantuan daripada seorang panglima tentera laut British bernama Rear-Admiral Thomas Cochrane untuk menolong memerangi lanun. Lanun itu kemudiannya dapat dikalahkan.

Selepas itu, James Brooke dan Sir Thomas Cochrane dengan angkatan perangnya menyerang Brunei. Sultan Brunei dan pengikutnya melarikan diri. Akhirnya baginda menyerah diri. Pulau Labuan diserahkan kepada British pada Disember 1846.

James Brooke terpaksa balik ke England pada tahun 1847 kerana tidak sihat. Beberapa lama kemudian, sekembalinya James Brooke ke Sarawak, beliau mendapati orang Iban masih lagi bermaharajalela.

Suatu perang besar yang dikenali sebagai 'Perang Beting Maru' antara puak James Brooke dan orang Iban tercusus dan orang Iban itu dapat dikalahkan.

Pada tahun 1852, seorang anak saudara James Brooke bernama Charles Johnson telah datang ke Sarawak. Charles Johnson telah menukar namanya kepada Charles Brooke dan diberi gelaran Tuan Muda. Tugas utama yang diberikan kepada

Charles Brooke ialah menyerang kaum Iban yang masih memberontak yang diketuai oleh Rentap.

Bertahun-tahun lamanya Rentap melarikan diri daripada ditangkap British, tetapi perjuangan Rentap berakhir juga pada tahun 1861. Kubunya di Bukit Sadok dan perkampungan pengikutnya diserang dan dimusnahkan.

Selepas itu James Brooke menghadapi pemberontakan daripada orang-orang Cina. Pada Februari 1857, seorang ketua Cina bernama Shanbang telah mengumpul orang-orangnya dan melengkapkan mereka dengan senjata untuk menyerang James Brooke. Akibat daripada serangan itu, Kuching ditawan pemberontak dan James Brooke terpaksa melarikan diri.

Kekuasaan orang Cina tidak kekal lama. Mereka cuba melantik 4 orang wakil di Kuching supaya mereka boleh balik ke Bau, tempat kediaman mereka. Rancangan mereka gagal. Mereka terpaksa berpatah balik ke Kuching kerana telah diserang hendap di pertengahan jalan.

James Brooke yang melarikan diri cuba untuk meminta pertolongan Charles Brooke. Secara kebetulan, James Brooke mendapat pertolongan sebuah kapal dan senjata untuk menyerang bandar Kuching. Orang Cina terus melarikan diri dan James Brooke dapat menawan kembali bandar Kuching. Setelah itu, tidak ada yang berani melawan pemerintahan James Brooke lagi.

Selain Charles Brooke, ada seorang lagi anak saudara James Brooke yang sama-sama turut memberi sumbangan membantu James Brooke dalam pemerintahan negeri Sarawak. Beliau bernama James Brooke Johnson dan bergelar Tuan Besar. Beliaulah orang yang diharap akan menjadi Raja Sarawak menggantikan James Brooke. Tetapi ini tidak berlaku disebabkan oleh sikap tamak dan gilakan kuasa James Brooke Johnson.

Beliau telah memerintah James Brooke melantiknya sebagai Raja Muda Sarawak di hadapan khalayak ramai untuk menunjukkan kuasa beliau. James Brooke sangat marah dan terus menulis surat wasiat lain, melantik Charles Brooke sebagai bakal Raja Sarawak.

Di tahun-tahun akhir beliau di Sarawak, James Brooke telah menyerahkan kebanyakan kuasa pentadbiran negeri kepada Charles Brooke. Akhirnya pada tahun 1863, Raja James Brooke kembali ke England dan tidak lagi balik ke Sarawak.

Lima tahun kemudian iaitu pada tahun 1868, ketika berusia 65 tahun, James Brooke meninggal dunia. Tamatlah riwayat Raja Orang Putih Pertama Sarawak.

Semasa pemerintahan Raja Sarawak yang kedua, Charles Brooke mendapat tentangan terutamanya penduduk Iban yang masih melawan British. Charles Brooke menyediakan angkatan perang pergi ke beberapa tempat.

Usaha Charles Brooke untuk mengamankan kaum Iban berjaya juga akhirnya. Beliau mengambil beberapa orang ketua Iban untuk berbincang walaupun sebahagian kecil sahaja yang mahu berdamai.

Beliaulah yang menamakan ibu negeri Sarawak, Kuching berdasarkan sebatang sungai kecil dan memasukkan Sarawak ke bawah naungan British di England.

Charles Brooke memerintah Sarawak selama 49 tahun (1868-1917). Pada tahun 1916, beliau jatuh sakit. Setelah dirawat dan sembah sedikit, Charles Brooke kembali ke England.

Beliau hanya sempat tinggal di England selama lima bulan sahaja kerana penyakit beliau menyerang lagi dan beliau tidak dapat diselamatkan. Beliau meninggal dunia pada 17 Mei 1917 dalam usia 88 tahun.

Raja Sarawak yang ketiga ialah Vyner Brooke (1917-1946) anak Charles Brooke. Beliau dilantik dengan rasminya pada 22 Julai 1918. Vyner Brooke meneruskan tindakan ayah beliau dengan cuba mendamaikan kaum Iban.

Seperti Tanah Melayu, Sarawak ditawan Jepun dalam tahun 1941. Jepun memerintah Sarawak sehingga tahun 1945. Rakyat menderita pada zaman pendudukan Jepun. Setelah Jepun kalah, negeri Sarawak diletakkan di bawah Pentadbiran Ketenteraan British sebelum pemerintahan diambil alih semula oleh Vyner Brooke. Vyner Brooke menyerahkan negeri Sarawak kepada

kerajaan Mahkota British pada pertengahan 1946. Sarawak dengan rasmi menjadi sebuah tanah jajahan British pada (Julai 1946).

Dengan itu, tamatlah pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak selama 105 tahun iaitu dari tahun 1841 hingga 1946. Semasa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Sarawak masih lagi di bawah pemerintahan British sebagai sebuah *Crown Colony*.

Sarawak menjadi jajahan takluk British dari 1 Julai 1946 hingga 15 September 1963. Dalam tempoh itu, pentadbiran negeri diketuai oleh empat orang gabenor. Gabenor yang terakhir ialah Sir Alexander Wadell. Selepas itu pada 16 September 1963, Sarawak bersama Singapura dan Sabah menyertai Persekutuan Tanah Melayu untuk membentuk Malaysia.



## KUCHING

---

**K**uching ialah ibu negeri Sarawak. Sejak merdeka bandar Kuching membangun dengan pesat. Ia telah berkembang dari sebuah bandar biasa menjadi bandar raya pada 1 Ogos 1988.

Menurut catatan sejarah, bandar ini dibuka oleh Pangeran Mahkota dalam tahun 1836. Pada masa itu, Sarawak terletak di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei.

Hendry Keppel, nakhoda kapal HMS Dido berjaya menumpaskan beberapa serangan lanun di perairan Borneo dalam tahun 1840-an. Catatan ekspedisi Keppel mengenal pasti satu tempat yang disinggahinya dikenali sebagai Kuching.

Tetapi beberapa tahun selepas lawatannya, nama Kuching amat jarang digunakan. Ketika itu nama Kuching lebih dikenali dengan nama 'Sarawak Proper' atau hanya 'Sarawak'.

Nama Kuching dikatakan mula digunakan dengan meluas selepas ketibaan James Brooke pada tahun 1839. Pada 12 Ogos 1872, barulah kekeliruan tentang nama Kuching dan Sarawak ditamatkan.

Pada hari itu, dalam suatu mesyuarat Supreme Council di Kuching, Charles Brooke telah mencadangkan supaya nama Kuching digunakan bagi penempatannya dan nama Sarawak digunakan bagi wilayahnya. Tarikh itu adalah tarikh penggunaan nama-nama itu secara rasmi.

Penggunaan nama Kuching dikatakan disesuaikan dengan Sungai Kuching iaitu sebuah sungai kecil berhampiran dengan bandar ini. Sungai itu ditimbul pada tahun 1928 untuk membolehkan pembangunan di kawasan itu. Kini Sungai Kuching kelihatan seperti parit di hadapan sebuah Tok Pek Kong.

Ada pendapat lain mengatakan bahawa nama itu berasal daripada perkataan 'Cochin' atau pelabuhan seperti yang digunakan di India dan Indocina.

Kuching pada masa dahulu merupakan tempat pertemuan para pedagang. Ada catatan mengatakan dalam tahun 1939, James Brooke menyebut nama tempat itu sebagai 'Kucin' (seperti sebutan Cochin).

Ada pendapat lain mengaitkan nama Kuching dengan Bukit Mata Kuching yang kini berada di tengah-tengah bandar raya ini. Bukit ini mendapat namanya kerana banyak pokok mata kucing yang tumbuh liar di atasnya.



## SIBU

---

**S**ibu ialah bandar pusat pentadbiran Bahagian Sibu. Sibu terletak kira-kira 130 kilometer dari Laut China Selatan. Sibu ialah bandar kedua terbesar dan terpenting di Sarawak selepas Kuching. Bandar ini terletak di tepi Sungai Rajang, sungai yang terpanjang bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di Malaysia. Bandar Sibu yang lama telah musnah dalam kebakaran yang berlaku pada 11 Januari 1889.

Pelabuhan Rajang ialah pelabuhan bandar Sibu dan merupakan salah sebuah pelabuhan serta pusat perniagaan dan perdagangan utama di Sarawak. Sibu juga menjadi pusat pengagihan barang ini parti ke Bahagian Sarikei dan Kapit.

Bandar Sibu sebelum ini pernah dikenali sebagai bandar Maling. Nama itu diambil daripada anak sungai yang mengalir berhampiran dengan Pejabat Daerah ketika itu.

Ada pendapat mengatakan nama Sibu itu diambil daripada sejenis rambutan lair yang dipanggil 'sibau'. Sibau juga dikenali dengan nama 'remutan' dan 'siambing'. Penggunaan 'sibau' itu

dipercayai sebagai tanda penghormatan kepada burung kenyalang, burung yang menjadi lambang negeri Sarawak.

Pada suatu hari, seekor burung kenyalang besar singgah di Maling. Semasa ditemui oleh penduduk tempatan, burung kenyalang itu sedang makan buah sibau. Ketika itu, sebiji buah sibau berada di dalam paruhnya. Maka tersebarlah cerita tentang kenyalang yang singgah di Maling kerana sibaunya.

Lama-kelamaan nama pekan Maling itu bertukar kepada sibau. Walau bagaimanapun, 'Sibau' kemudiannya disebut 'Sibu' sahaja dan kekal sehingga hari ini.

Dalam tahun 1912-an, untuk menampung projek perluasan kawasan bandar Sibu, Kampung Pulau, sebuah kampung tradisi orang Melayu telah dipindahkan. Bagi maksud yang sama, dalam tahun 1970-an beberapa buah kampung tradisi orang Melayu lagi turut dipindahkan, kampung-kampung berkenaan ialah Kampung Nyabur dan Kampung Masjid.

Sejak merdeka, bandar Sibu telah membangun dan berkembang dengan pesat. Kawasan komersial bandar ini diperluaskan.

Antara mercu tanda yang menarik di Sibu termasuklah Masjid Jamik Lama, Masjid Jamik Baru akan Masjid An-Nur, dan Dewan Suarah.

Sibu juga terkenal dengan peristiwa penikaman Gabenor Duncan Stewart pada 3 Disember 1949 oleh Rosli Dhoby.



## GRAND OLD LADY OF MIRI

---

**G**rand Old Lady of Miri ialah telaga minyak yang bersejarah di Sarawak. Ia terletak di kemuncak Bukit Kanada. Ini merupakan telaga minyak yang pertama di Sarawak. Ia kini telah diiktirafkan secara rasmi sebagai sebuah mercu tanda bersejarah oleh kerajaan Negeri Sarawak.

Menurut catatan sejarah, pada 10 Ogos 1910, sekumpulan pencari minyak yang diketuai oleh Dr. Erb telah memulakan tugas menggerudi minyak di Bukit Kanada. Pada 22 Disember 1910, buat pertama kali dalam sejarah negara, minyak dijumpai di Sarawak. Perjumpaan minyak ini sangat penting dalam sejarah Sarawak.

Orang yang bertanggungjawab atas penemuan telaga minyak tersebut ialah Charles Hose, Residen bandar Miri yang keempat pada zaman pemerintahan Sir Charles Brooke. Kemudian digalikan 623 buah perigi lain di sekitarnya iaitu kawasan yang dikenali sebagai 'Miri land field'.

Selepas itu, banyak lagi telaga minyak dijumpai. Antaranya ialah Baronia, Baram, Bakau, Betty, Bokor, Tukau, Lutong dan Temana. Kebanyakan telaga minyak ini diusahakan oleh Syarikat Shell. Sejak itu, minyak telah menjadi sumber wang asing yang utama bagi Sarawak sehingga ke hari ini.

Selepas beroperasi selama lebih enam dekad dan menghasilkan lebih 600,000 tong minyak, pada 31 Oktober 1972 perigi yang pertama ini ditutup.



## BAU

---

Bau ialah sebuah bandar kecil terletak kira-kira 40 kilometer dari bandar raya Kuching. Bandar ini pernah menjadi terkenal kerana hasil buminya yang amat berharga iaitu emas.

Bagaimanapun, perlombongan emas telah dihentikan pada bulan Ogos 1921. Bekas lombong emas itu telah dijadikan tasik yang dinamakan Tasik Biru. Tasik Biru terletak kira-kira satu kilometer dari pusat pekan Bau. Perlombongan emas di tasik itu dimulakan semula awal 1990-an.

Terdapat cerita lagenda tentang Tasik Biru itu. Menurut cerita, sebelum lombong emas itu dibuka, kawasan Tasik Biru adalah tempat makam seorang wali yang dikatakan berasal dari Indonesia. Wali itu bernama Panglima Syed Adi Putera. Penceroboh makamnya telah menyebabkan Tasik Biru itu berpuaka.

Kononnya pada suatu hari, Panglima Syed Adi Putera menjelma sebagai buaya putih dan mendakwa dirinya penunggu Tasik Biru. Bermula dari hal itulah seekor kambing dikorbankan

setiap tahun. Buaya putih itu muncul di tengah-tengah tasik, biasanya pada waktu subuh atau tengah malam.

Nama pekan Bau dikatakan berasal daripada peristiwa yang berlaku di situ. Pada masa dahulu, hutan di kawasan Bau adalah suatu tempat pemburuan yang kaya dengan pelbagai jenis binatang. Pada suatu hari, sekumpulan orang tempatan telah pergi berburu di situ.

Malangnya apabila mereka sampai di situ, tidak ada seekor binatang pun yang ditemui. Sebaliknya mereka terhidu sesuatu yang baunya sangat busuk. Mereka tahu bau itu adalah bau bangkai binatang.

Mereka yakin bangkai binatang itu adalah mangsa pemburu yang mendahului mereka. Oleh kerana tidak tahan menghidu bau bangkai itu, mereka pergi ke kawasan lain. Anehnya, sebaik sahaja bau itu tidak terhidu, mereka segera dapat mengesan binatang buruan. Daripada peristiwa itu, mereka merumuskan bahawa semua binatang yang terhidu bau bangkai binatang akan lari ke tempat lain.

Cerita bau bangkai itu tersebar dengan meluas. Orang ramai mula merujuk hutan di situ sebagai hutan bau. Pekan yang kemudiannya membangun di situ juga dipanggil Bau dan kekal sehingga sekarang.



## SARIKEI

Sarikei ialah sebuah bandar yang sedang membangun dan merupakan pusat pentadbiran Bahagian Sarikei (dulunya Bahagian keenam). Bahagian Sarikei daripada empat buah daerah iaitu Sarikei Meradong, Daro dan Julau. Selain dapat dihubungi dengan jalan darat, Sarikei ini juga dapat dihubungi melalui Batang Rajang, sungai yang terpanjang di Malaysia.

Mengikut sejarahnya, Sarikei dibangunkan kerana langkah pihak British yang ingin menempatkan orang-orang Cina di hilir Batang Rejang.

Orang British ketika itu menggalakkan kedatangan orang-orang Cina untuk memajukan kawasan sekitar Batang Rajang. Mereka diberi tanah untuk menanam lada, getah dan sebagainya. Akhirnya Sarikei dibuka pada tahun 1910.

Kegiatan utama penduduk Bahagian Sarikei adalah berasaskan pertanian dan perikanan. Tanaman yang banyak diusahakan ialah nanas, koko, getah dan limau. Sarikei memang terkenal dengan buah nanasnya yang manis.



## BANDAR SRI AMAN

---

Sri Aman adalah pusat pentadbiran Bahagian Sri Aman, sebelumnya dikenali sebagai Bahagian Kedua. Bandar ini terletak di tebing selatan Batang Lupar, kira-kira 50 kilometer dari Laut China Selatan. Bahagian Sri Aman dibahagikan kepada empat daerah utama iaitu Lubok Antu, Sri Aman, Saratok dan Betong. Daerah-daerah utama itu pula dibahagikan kepada 10 daerah kecil, yakni Maludam, Lingga, Pantu, Kabong, Roban, Budu, Pusa, Debak, Spaoh dan Engkilili.

Sebelum tahun 1974, bandar Sri Aman dikenali sebagai Simanggang. Nama bandar ini lahir daripada nama pokok, iaitu pokok manggang. Pokok manggang ialah sejenis pokok nipah yang dahulunya banyak tumbuh di tebing sungai di sekitar tapak bandar Simanggang.

Pada penghujung tahun 1973, bandar Simanggang ditukarkan namanya kepada bandar Sri Aman bersempena dengan perjanjian perletakan senjata dan penyerahan oleh

lebih 500 orang pengganas komunis diketuai oleh Bong Kee Chock pada 4 Mac 1974 yang menjamin keamanan di negeri Sarawak.

Pada masa itu, Simanggang telah dipilih sebagai tempat untuk diadakan upacara menandatangani memorandum persefahaman antara kerajaan yang diwakili oleh Ketua Menteri, YAB Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yakub dengan Bong Kee Chock, pemimpin komunis Sarawak pada 21 Oktober 1973.

Kebanyakan penduduk Bahagian Sri Aman terdiri daripada kaum Iban. Mereka kebanyakannya petani dan mengusahakan tanaman lada hitam, koko dan getah. Penduduk Melayu menanan kelapa dan menjadi nelayan.

Bahagian Bandar Sri Aman juga terkenal dengan pahlawan Iban yang terbilang iaitu Rentap. Rentap ialah wira yang gagah berani sehingga keberaniannya menjadi sebutan generasi kini. Selain itu, bandar ini juga terkenal dengan kisah seekor buaya raksasa iaitu Bujang Senang. Buaya ini boleh dijumpai di Batang Lupar, sungai yang terbesar di Sarawak.

Sri Aman juga terkenal dengan Stesen Janakuasa Hidro Bahagian Elektrik Batang Ai yang terletak kira-kira 18 kilometer ke sebelah ulu pekan Lubuk Antu. Stesen ini berupaya membekal purata 614 GWH tenaga setahun. Dalam tahun 1993, sebuah pusat perintian mula beroperasi di kawasan hidro itu.



## BANDAR MUKAH

---

**B**andar Mukah merupakan sebuah pekan persisiran pantai yang menjadi pusat pentadbiran daerah bagi Daerah Mukah. Bandar ini terkenal dengan umai dan sagunya. Umai dan sagu adalah makanan kegemaran majoriti kaum di situ iaitu kaum Melanau. Mereka mengusahakan penanaman dan perusahaan sagu sejak dahulu lagi.

Mereka juga terkenal sebagai pelaut yang handal. Mereka pernah belayar ke negeri-negeri Tanah Melayu dan Singapura untuk bermiaga dan menukar sagu dengan barang-barang seperti tembaga dan meriam.

Mukah dikatakan mendapat namanya dari cerita yang keronnya, pada masa dahulu, beberapa orang tempatan telah berjumpa dengan seorang puteri yang cantik. Daripada kecantikan mukanya itulah tempat itu dinamakan 'Muka' yang akhirnya menjadi Mukah.

Mukah terkenal dengan pantainya yang cantik. Di sini pesta 'kaul' atau pesta puja pantai merupakan acara tahunan

masyarakat Melanan. Pesta kaul diadakan dengan tujuan untuk melembutkan hati ‘penunggu’ laut dan darat supaya lebih banyak ikan akan membiak dan seterusnya dapat ditangkap oleh para nelayan. Salah satu acara popular pada setiap temasya kaul ialah permainan ‘tibau’ atau ‘ayun’.

Pada hari ini, bandar Mukah telah banyak mengalami perubahan. Perhubungan jalan raya dan udara semakin bertambah baik. Terdapat juga kilang-kilang memproses sagu bagi menggantikan kaedah secara tradisional. Kilang terbesar dan termoden diusahakan oleh sebuah anak syarikat Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) yang dibina dengan kos RM 8.5 juta di Tanjung Agai, kira-kira 3 kilometer dari bandar Mukah.

Bangunan yang menjadi kebanggaan penduduk Mukah ialah Dewan Suarah. Reka bentuk bangunan ini mencerminkan ciri-ciri budaya masyarakat Melanau. Di dalam Muzium mini yang menggunakan sebahagian Dewan Suarah terdapat ‘rumah lama’ orang Melanau yang diperbuat daripada bahan-bahan tempatan daripada nipah, nibung dan sagu, selain papan. Selain itu, terdapat juga sebuah Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Sebuah pusat bandar baru, yang mula dibina pada awal 1990-an, bagi Bandar Mukah, sudah hampir siap. Pusat bandar baru ini jaraknya lebih kurang dua kilometer dari pusat bandar sekarang. Kedua-dua pusat bandar itu dihubungkan dengan satu laluan khas yang dikenali sebagai “Setia Raya”.

Sebuah kompleks pejabat kerajaan sedang dalam pembinaan. Di kompleks inilah nanti pejabat-pejabat negeri yang sekarang berselerak akan dipusatkan. Sudah ada ura-ura Mukah akan menjadi pusat bahagian Garu, iaitu bahagian yang kesepuluh di Sarawak, Bahagian Mukah.



## BANDAR BINTULU

---

**P**ada masa dahulu, Bintulu adalah sebuah perkampungan nelayan, tetapi kini menjadi sebuah bandar perindustrian yang pesat membangun di Sarawak.

Bintulu telah menjadi bandar yang keempat besarnya di Sarawak. Ia terletak di muara Sungai Kemenia. Bintulu telah diisytiharkan menjadi Bahagian pada 1 Januari 1987. Bahagian Bintulu adalah bahagian yang kelapan di Sarawak. Sebelum itu Bintulu adalah sebuah daerah dalam Bahagian Miri.

Berikutan itu, Lembaga Kemajuan Bintulu (LKB) dibentuk dalam tahun 1978. LKB kemudian telah membentuk sebuah pelan induk pembangunan, sejajar dengan kenaikan tarafnya dari sebuah daerah kepada sebuah bahagian meliputi kawasan seluas 12,515 kilometer persegi.

Nama Bintulu dikatakan berasal daripada perkataan 'metu ulau'. Perkataan itu membawa maksud 'memungut kepala'. Nama itu lahir daripada peristiwa terjatuhnya kepala manusia yang telah dipenggal ke dalam sungai. Peristiwa itu berlaku

pada zaman ‘ngayau’, iaitu ketika pemburuan kepala manusia masih berleluasa.

Sejak peristiwa itu, perkataan ‘metu ulau’ digunakan oleh penduduk Bintulu dengan meluas. Orang-orang luar pula menyebutnya ‘mentulau’. Akhirnya daripada perkataan ‘mentulau’ itu terbitlah nama ‘Bintulu’.

Pembangunan pesat di Bintulu bermula apabila Petronas membina loji memproses Gas Asli Cecair (GAC) pada tahun 1972. Simpanan gas di Bintulu dianggarkan dapat digunakan sehingga 50 tahun lagi.

Sehingga kini, projek-projek raksasa yang telah dilaksanakan di Bintulu yang juga dikenali sebagai ‘Kota Tenaga’ Sarawak itu terdiri daripada Loji Gas Cecair Asli Malaysia, Loji Baja ASEAN, Kampus Cawangan Universiti Pertanian Malaysia, Pelabuhan Air Dalam Bintulu dan Projek Bekalan Air.

Bintulu juga dipilih sebagai tempat untuk menjalankan sebuah projek baja urea yang kedua. Ini berikutan terdapatnya gas asli di situ sebagai bahan mentah untuk diproses bagi dijadikan baja urea dan ammonia.

Pelabuhan Air Dalam Bintulu terletak kira-kira 16 kilometer dari bandar. Pelabuhan tersebut merupakan satu-satunya pelabuhan air dalam di Sarawak yang berupaya menyediakan segala kemudahan moden bagi kapal-kapal antarabangsa dan tempatan. Selain itu, Bintulu juga terkenal dengan tempat peranginan seperti Pantai Simalajau, Pusat Rekreasi Tanjung Batu, Taman Botanikal dan Taman Burung.



## KOTA MARGHERITA

---

Kota Margherita yang terletak di seberang Sungai Sarawak berhampiran dengan Astana, tempat kediaman Yang Dipertua Negeri Sarawak, kelihatan sebagai sebuah 'castle' di negara barat.

Kota ini mempunyai sejarahnya sendiri. Ketika berlaku perperangan kaum di Sarawak, kota inilah yang menjadi benteng pertahanan utama Raja Putih Sarawak. Kota Margherita telah dibina oleh Charles Brooke kedua dan dinamakan sempena nama isterinya Ranee Margaret.

Charles Brooke membina kota tersebut dengan begitu rupa dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuklah tempat meletakkan meriam dan senapang di sekelilingnya. Di bahagian depannya terdapat tembok setinggi lebih kurang lima meter, manakala di bahagian belakangnya sebuah bangunan tiga tingkat. Di kedua-dua penjuru bahagian hadapan bangunan ini terdapat bilik yang mana dari situ seseorang dapat melihat ke seberang sungai di mana bandar Kuching terletak.

Kota ini dibina dalam tahun 1841 dan mengambil masa hampir dua tahun untuk siap. Selepas kota ini siap dibina, pasukan yang pertama mendudukinya ialah Sarawak Renjer. Di tingkat bawah dijadikan ruang pejabat. Di sebelah kirinya pula disediakan suatu ruang sebagai penjara untuk pesalah-pesalah menunggu hukuman mereka. Di tingkat atas dijadikan tempat pasukan tersebut.

Bangunan ini dibina sebagai benteng atau kota bagi mengawal kawasan di seberang Sungai Sarawak daripada serangan lanun dan perompak. Pada awal dan pertengahan abad ke-19, kawasan di seberang sungai ini menjadi pusat lanun dan perompak.

Oleh kerana tidak ada sebarang jambatan antara sungai itu maka segala serangan lanun dan perompak itu menjadi lambat. Bagaimanapun lanun dan perompak itu dapat juga ke seberang sungai dan seterusnya melakukan rompakan dan pembunuhan ke atas penduduk tempatan.

Sejak pemerintahan Brooke, kota ini belum pernah diserang oleh mana-mana pihak. Kota ini hampir mengalami kemusnahan iaitu semasa meletus Perang Dunia Kedua pada 19 Disember 1941.

Semasa perperangan, kota ini diduduki oleh tentera Jepun. Selepas tamat perperangan, ia dijadikan pusat latihan kursus operator telefon bagi pasukan polis. Kemudian kota ini dijadikan sebagai Mes Pegawai Polis Sarawak.

Dengan kedudukan dan bentuknya, Kota Margherita amat sesuai sebagai tempat pertahanan dan kawalan. Di bahagian depannya terdapat dua buah bilik yang agak tinggi dan digunakan sebagai bilik kawalan. Pengawalan dijalankan setiap waktu, siang dan malam.

Begitu juga dengan tembok di sekeliling kota itu. Tembok itu setinggi lebih kurang lima meter sebagai benteng pertahanan penduduk tempatan. Dengan adanya kota tersebut, banyak serangan dan percubaan merompak dapat dipatahkan. Oleh kerana mereka mengalami kekalahan, lama-kelamaan lanun dan perompak menjadi lemah dan akhirnya terus berakhir.

Pada tahun 1971, Kota Margherita dijadikan Muzium Polis. Barang-barang yang tersimpan di dalamnya termasuklah senjata, peluru, pakaian, peralatan dapur dan rumah serta lain-lain peninggalan polis yang digunakan ketika menjalankan tugas-tugas pertahanan dan keselamatan di Sarawak.



## TUGU PERINGATAN CHARLES BROOKE

---

**T**ugu Peringatan Charles Brooke terletak di hadapan Mahkamah Undang-undang Sarawak. Tugu ini dibina untuk memperingati pemerintahan Charles Brooke. Pembinaan tugu ini dibuat pada 16 Oktober 1924.

Pada tugu itu terdapat empat ukiran wajah. Ukiran wajah yang pertama ialah ukiran wajah Charles Brooke. Charles ialah anak saudara kepada James Brooke, Raja Putih Sarawak yang pertama.

Ukirian wajah yang kedua ialah ukiran wajah Datuk Patinggi Ali. Beliau ialah pemimpin dan pahlawan Melayu yang berani. Beliau terbunuh ketika pergi menyerang lanun di Skrang.

Ukirian wajah yang ketiga ialah ukiran wajah Rentap. Beliau merupakan pemimpin masyarakat Iban yang terkenal. Dia mengetuai kaum Iban menentang Inggeris pada zaman pemerintahan Brooke di Sarawak. Ukiran wajah yang keempat ialah ukiran wajah Penghulu Ason. Penghulu Ason ialah ketua kaum Cina.



## ASTANA SARAWAK

---

Astana Sarawak adalah sebuah banguan lama yang melambangkan sejarah pemerintahan penjajah di Sarawak. Sewaktu James Brooke mula sampai ke Sarawak, Sarawak ditadbir oleh seorang gabenor dari Brunei bernama Pangeran Mahkota.

Kejayaan James Brooke membantu Brunei menumpaskan pemberontakan rakyat Sarawak ke atas pemerintahan Brunei di Sarawak menyebabkan dia dilantik menjadi gabenor dan bergelar Raja Sarawak.

Selepas dua tahun beliau menaiki takhta sebagai Raja Sarawak, James Brooke telah mengarahkan membina bangunan ini pada tahun 1870. Bangunan ini didirikan di atas tanah cangkat di tebing Sungai Sarawak. Pada asalnya bangunan ini terdiri daripada tiga buah banglo yang disangga oleh tonggak sepanjang 7 meter di dalam tanah.

Bumbung ketiga-tiga buah banglo ini berbentuk rendah dan lebar menyebabkan bahagian dalamnya terlindung dan teduh. Pada bahagian banglo yang terbesar, bahagian tengahnya ada

bilik tetamu, dewan makan dan bilik rehat manakala setiap bangunan banglo kecilnya pula ada dua buah bilik tidur yang besar.

Sejak pembinaan awalnya, bangunan lama ini telah diubahsuai dan ditokok tambah hingga bentuknya seperti sekarang ini. Kini bangunan bersejarah ini menjadi tempat kediaman rasmi Yang Dipertua Negeri Sarawak.



## MUZIUM SARAWAK

---

**M**uzium Sarawak terletak di Jalan Tun Abang Haji Openg, Kuching. Pembinaan bangunan ini bermula pada tahun 1878 di bawah arahan Sir Charles Brooke. Muzium Sarawak telah dirasmikan pada 4 Ogos 1891. Muzium ini mengandungi barang-barang bersejarah yang menarik. Muzium ini merupakan antara muzium yang tertua di Asia Tenggara.

Muzium ini mempamerkan pelbagai khazanah berharga negeri Sarawak dari zaman Raja James Brooke hingga ke zaman moden hari ini.

Antara bahan-bahan pameran yang dapat dilihat ialah awetan mergastua yang terdapat di Pulau Borneo, bahan-bahan kebudayaan masyarakat peribumi Sarawak termasuklah hasil kraf tangan, lukisan mural, ukiran dan barang-barang tembikar.

Ilham untuk membina muzium ini datangnya daripada Alfred Russel Wallace yang tiba di Sarawak pada Oktober 1854.

Wallace adalah seorang ahli naturalist yang terkenal.

Bentuk bangunan muzium ini mirip kepada bangunan dewan bandaran orang Norman di Perancis. Bahagian galeri bangunan ini diterangi oleh tingkap *dormer* pada bumbung supaya dindingnya boleh digunakan sebagai ruang pameran. Seni bina bahagian ini dipercayai mengikut gaya seni bina Queen Anne.

Bangunan ini telah melalui beberapa pengubahsuaian terutamanya semasa kerja-kerja membesarkan bangunan ini dijalankan pada tahun 1911.

Kini ukuran bangunan ini ialah 15 meter panjang dan 53 meter lebar iaitu tiga kali ganda keluasan asalnya. Dinding dan tiangnya diperbuat daripada batu manakala bumbungnya pula diperbuat daripada kayu belian dan konkrit.

Semasa pendudukan Jepun, muzium ini telah dijaga dengan baik oleh seorang pegawai Jepun. Ketika itu Muzium Sarawak mula mencipta nama sebagai penyimpan warisan Pulau Borneo yang terbaik di dunia.

Muzium ini juga mempunyai perpustakaan sendiri. Perpustakaan tersebut menyimpan lebih 9,000 jilid buku rujukan tentang Sarawak dan Pulau Borneo. Muzium ini juga menyimpan segala surat Raja Brooke, surat-surat rasmi dan surat khabar-surat khabar yang dikeluarkan sehingga tahun 1870.



## MASJID BESAR KUCHING

---

Pada tahun 1847, keluarga Datu Patinggi Ali, seorang pemimpin masyarakat orang-orang Melayu yang berpengaruh dan terkenal telah menyampaikan hasrat kepada pihak Inggeris bahawa orang-orang Melayu di persekitaran bandar Kuching memerlukan sebuah masjid untuk beribadat. Akhirnya, hasrat itu tertunai apabila sebuah masjid di atas bukit tidak jauh dari bandar Kuching dibina. Masjid itu merupakan sebuah bangunan yang sederhana.

Keseluruhan bangunan tersebut diperbuat daripada kayu belian, sejenis kayu yang kuat dan kukuh. Masjid itu dikenali sebagai Masjid Besar Bandar Kuching. Menjelang tahun 1880, masjid itu diperbaiki lagi. Dinding dan lantai yang pada asalnya diperbuat daripada kayu belian telah digantikan dengan simen manakala atap masjid itu masih dikekalkan dengan kayu belian.

Pada tahun 1930 pula, sebuah kubah telah dibina dan merupakan kubah yang pertama di Sarawak sehingga menjadi mercu tanda bandar Kuching pada ketika itu.

Kepesatan dan pertambahan penduduk di bandar Kuching menjadikan masjid itu tidak dapat menampung jumlah penduduk yang semakin bertambah. Oleh itu selepas 120 tahun usia masjid itu, maka pada 5 Februari 1967, masjid tersebut diletupkan.

Gabenor Sarawak pada masa itu, Tun Abang Haji Openg telah berkenan menekan butang bom untuk meletupkan masjid tersebut. Kos untuk meletupkan bangunan tersebut berjumlah RM 1,000.

Di atas tapak yang sama, Tun Abang Haji Openg telah membina dan mendirikan semula Masjid Besar Bandar Kuching. Pembinaan masjid itu kali ini tidak menggunakan kayu belian tetapi keseluruhan bangunan tersebut dibina dengan menggunakan simen konkrit.

Oleh kerana kepesatan pertambahan penduduk di bandar Kuching masjid jamik yang baru dibina. Inilah masjid Negeri Sarawak yang baru.



## RUMAH MAHKAMAH

---

**R**umah Mahkamah terletak di Jalan Courthouse, berdekatan Pangkalan Batu. Ia dibina dalam tahun 1874 dan merupakan pusat kerajaan Raja Putih Sarawak pada zaman dahulu. Sekarang bangunan ini digunakan sebagai mahkamah dan pejabat kerajaan.

Penempatan Rumah Mahkamah ini di atas tapak yang ada sekarang bukanlah sesuatu yang dirancang. Sebelum 1874, di situ terdapat sebuah bangunan dua tingkat yang menjadi pusat kegiatan gereja Lutheran Jerman. James Brooke merampas bangunan itu dan mengubahsuaiannya untuk kegunaan pentadbiran kehakiman.

Pada tahun 1858, bangunan tersebut dirobohkan dan digantikan dengan bangunan baru di atas tapak yang sama. Bangunan kedua itu juga kemudiannya dirobohkan dan digantikan dengan bangunan ketiga. Bangunan yang ada sekarang dibina pada tahun 1874.

Bentuk Rumah Mahkamah ini ringkas tetapi rupanya menampilkan ciri-ciri seni bina kolonial dengan tiang bata yang besar dan tirus. Tiang tersebut menyokong beranda.

Pintu utamanya terletak di bawah anjung empat persegi iaitu setelah melalui beberapa anak tangga yang panjang. Pada setiap penjuru anjung itu terdapat tiang bulat torak kembar.

Sejak dari sidang kelima pada tahun 1878 hingga 1973, semua sidang Majlis Negeri Sarawak diadakan di bangunan ini. Binaan Menara Jam ditambah pada tahun 1883, manakala Tugu Peringatan Charles Brooke pula didirikan pada tahun 1924, kedua-duanya berhampiran Rumah Mahkamah.

Raja Putih adalah seorang Inggeris yang bernama James Brooke. Beliau membantu Sultan Brunei dalam suatu pemberontakan dalam tahun 1841 dan sebagai hadiah, beliau dilantik sebagai gabenor Sarawak.

Beliau mati dalam tahun 1868 dan diganti oleh Raja Charles Brooke dan kemudiannya Raja Charles Vyner Brooke. Raja-raja Putih ini memperluaskan kawasan Sarawak sehingga saiznya sekarang.



## KAMPUNG BUDAYA SARAWAK

---

Sarawak ialah sebuah negeri yang luas. Oleh itu, Sarawak mempunyai paling banyak kaum atau etnik peribumi. Di Sarawak terdapat lebih 20 etnik. Dari jumlah itu dapat dipecahkan pula kepada 80 kumpulan kecil yang masih mengamalkan cara hidup tradisional.

Namun demikian, kebanyakan kampung kaum peribumi ini terletak di kawasan pedalaman. Oleh itu kerajaan negeri Sarawak telah mewujudkan Kampung Budaya Sarawak agar pelancong dapat menikmati suasana hidup dan kebudayaan masyarakat Sarawak.

Kampung Budaya Sarawak terletak kira-kira 34 kilometer dari Kuching, di kaki Gunung Santubong. Kos pembinaan kawasan perkampungan seluas 6.8 hektar itu ialah sebanyak RM 9.4 juta. Kampung Budaya Sarawak mempunyai sebuah tasik yang agak besar. Tasik ini menggambarkan bagaimana pentingnya pengangkutan air atau sungai dalam kehidupan penduduk Sarawak. Di sekelilingnya dibina tujuh buah rumah tradisional etnik utama Sarawak iaitu rumah panjang kaum

Bidayuh, pondok kaum Penan, rumah panjang kaum Iban, rumah panjang Orang Ulu, rumah tinggi kaum Melanau, rumah Melayu dan rumah petani Cina dari suku Hakka. Rumah-rumah itu dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang biasa digunakan oleh penduduk Sarawak.

Di Kampung Budaya pengunjung dapat melihat penduduk yang terdiri daripada tujuh kaum etnik bertani, membuat kerja rumah dan menghasilkan kerja tangan.

Rumah tinggi Melanau adalah antara yang menjadi tarikan pengunjung. Rumah tinggi ini mempunyai 50 batang tiang setinggi 12 meter dari tanah. Pada zaman dulu, tujuan dibina rumah tinggi adalah untuk melindungi penghuninya daripada binatang buas. Rumah ini amat menarik kerana mempunyai tiga paras atau tingkat. Bilik di atas sekali dikhatusukan bagi mereka yang baru berumah tangga.

Di rumah panjang Bidayuh, para pengunjung dapat melihat kaum wanita Bidayuh menunjukkan cara membuat gula, manakala di rumah panjang Iban pula mereka akan disambut dengan minuman ‘tuak’ atau arak yang diperbuat daripada beras. Selain itu, terdapat tengkorak digantung di tempat api, gong gangsa dan wanita memakai pakaian yang bercorak tenunan ‘pua kumbu’.

Rumah panjang orang Iban dibina daripada kayu balak yang diikat dengan gentian pokok yang menjalar dan berbungunkan daun.

Di pondok orang Penan pula, pengunjung dapat melihat sumpit yang digunakan oleh pahlawan Penan. Selain itu terdapat juga hasil kraf tangan seperti manik, ukiran dan lukisan di dinding.

Rumah Melayu pula mempunyai bilik yang berasingan antara lelaki dan wanita. Rumah ini mempunyai banyak tiang. Ukiran di tangga dan tingkap mencantikkan lagi rumah ini.

Rumah Cina daripada suku Hakka dibina di atas tanah dan beratap. Semasa berada di Kampung Budaya itu para pengunjung juga akan berpeluang untuk melihat persembahan tarian Ngajat Pahlawan milik kaum Iban, Tarian Menyak oleh kaum Melanau, Kanjet Ngeleput oleh Orang Ulu, Langgi Julang oleh kaum Bidayuh dan Tarian Serampang Baru oleh kaum Melayu.



## GUNUNG SANTUBONG

---

**G**unung Santubong adalah sebuah gunung yang kini menjadi tumpuan pelancong. Pemandangan dan pantai di sini sangat menarik. Selain kecantikan semula jadi, Gunung Santubong juga terkenal dengan cerita rakyat tentang bagaimana wujudnya gunung itu.

Santubong tempat yang bersejarah. Bukti menunjukkan Sarawak telah didiami oleh manusia sejak 600 tahun sebelum Masihi adalah di Santubong, di kuala Sungai Sarawak.

Bahan-bahan yang dijumpai termasuk beberapa keping mata wang China zaman dahulu dan tarikh catatan China yang tertulis pada mata wang itu bersamaan dengan 600 tahun sebelum Masihi.

Asal usul Santubong dikatakan berasal daripada perkataan Cina. Perkataan yang sama loghat Khek, bererti 'Babi Belantara Hutan' membawa erti 'Gunung Babi Hutan' dalam loghat suku Hokkien.

Menurut cerita rakyat, Puteri Sejinjang tidak senang melihat kecantikan rupa paras yang dimiliki oleh saudara kandungnya, Puteri Santubong. Hatinya bertambah sakit apabila Puteri Santubong yang cantik sering mendapat perhatian kaum lelaki.

Bagaimanapun, Puteri Santubong tidak menyangka yang Puteri Sejinjang menyimpan dendam terhadapnya. Setiap masa Puteri Sejinjang berusaha untuk menyakitkan hati Puteri Santubong. Hatinya gembira apabila berjaya menimbulkan rasa marah di hati Puteri Santubong.

Sebagai saudara seibu seapa, mereka sering bertukar-tukar makanan. Kerana sering bertukar makanan, akhirnya Puteri Sejinjang mendapat akal untuk membuatkan saudara kandungnya marah.

Puteri Sejinjang memberikan Puteri Santubong sejenis makanan yang dapat menjatuhkan maruahnya. Puteri Sejinjang menyuruh beberapa orang pengikutnya memburu seekor babi. Akhirnya pengikutnya berjaya menangkap seekor babi.

Tanpa membuang masa, Puteri Sejinjang terus menyembelih babi itu dan menyediakan bahan-bahan ramuan untuk membuat lauk. Setelah sajian siap, Puteri Sejinjang sendiri telah membawa hidangan babi panggang itu kepada Puteri Santubong.

Tanpa menaruh syakwasangka, Puteri Santubong menerima sajian makanan yang diberikan oleh Puteri Sejinjang dengan perasaan gembira. Alangkah terkejutnya apabila Puteri Santubong membuka hidangan tersebut. Didapatinya hidangan yang dibawa itu berupa seekor daging babi panggang. Puteri Santubong merasa sedih atas perbuatan Puteri Sejinjang itu.

Dia tidak mengerti apa maksud hidangan yang dibawa oleh Puteri Sejinjang itu. Sambil menahan perasaan hiba, dia bertanyakan maksud sebenar Puteri Sejinjang berbuat demikian. Puteri Sejinjang menjelaskan bahawa dia memang iri hati dengan kecantikan Puteri Santubong yang menyebabkan dia tidak mendapat perhatian daripada kaum lelaki.

Maka berlakulah pertengkaran antara dua beradik itu. Semasa pergaduhan itu, Puteri Sejinjang telah menggunakan sebatang antan padi untuk menyerang Puteri Santubong. Puteri Santubong pula telah menggunakan sebilah parang belidah untuk bertindak balas.

Pergaduhan itu mengambil masa yang agak lama. Tidak seorang pun yang mahu mengaku kalah. Puteri Sejinjang berusaha untuk mencederakan Puteri Santubong agar kelihatan hodoh manakala Puteri Santubong cuba membala serangan itu untuk membela diri.

Setelah sekian lama bergaduh, akhirnya Puteri Sejinjang mendapat peluang untuk mengetuk kepala Puteri Santubong dengan antan. Bagaimanapun Puteri Santubong membala. Dia berjaya menetak kepala Puteri Sejinjang dengan menggunakan parang belidah.

Kepala Puteri Sejinjang tercampak ke dalam laut. Akibatnya kepala Puteri Sejinjang itu menjadi Pulau Kera manakala kepala Puteri Santubong menjadi lekuk akibat ketukan dengan antan oleh Puteri Sejinjang. Dengan itu kepala Puteri Santubong menjadi Gunung Santubong dan Puteri Sejinjang menjadi Gunung Sejinjang.

Kedua-dua gunung itu terletak berhampiran. Kini Gunung Santubong berbentuk lekuk tetapi Gunung Sejinjang kelihatan rata di bahagian puncaknya kerana kepalanya telah ditetak oleh Puteri Santubong.



## KUBU ALICE

---

**K**ubu Alice telah dibina pada tahun 1864 bagi menggantikan kubu yang dibina beberapa batu ke hulu Batang Lupar dan telah diwartakan sebagai bangunan bersejarah. Kubu Alice terletak di atas sebuah puncak bukit di tebing Batang Lupar berhampiran bandar Sri Aman (Simanggang) dalam Bahagian Sri Aman, Sarawak.

Keseluruhan Kubu Alice dibina daripada kayu belian. Sebagai sebuah kota berkubu, bangunannya dibina berbentuk empat persegi yang unik. Di setiap penjuru dalam bangunannya dibina menara kecil yang berfungsi sebagai balai pengawal.

Kubu itu juga disediakan dengan tangga yang mengandungi jambatan jungkatan di samping mempunyai ruang halaman tengah yang terbentang luas. Keseluruhan kubu dibina daripada kayu belian iaitu sejenis kayu yang amat kukuh.

Kubu tersebut asalnya dikenali sebagai Kubu James yang dibina pada tahun 1849 di daerah Skrang. Oleh kerana kedudukannya yang tidak begitu strategik di Skrang, Charles

Brooke telah memindahkan kubu tersebut pada tahun 1864 ke tempatnya sekarang. Ia kemudiannya dinamakan Kubu Alice, mengambil sempena nama isterinya, Ranee Margaret Alice.

Kubu Alice pernah menjadi pusat pertahanan James Brooke dalam pertempuran dengan Rentap, pahlawan Iban yang terkenal. Pada tahun 1902, suatu ekspedisi tentera untuk menghapuskan pemberontakan kaum Iban, yang bermula dari Kubu Alice telah menemui kegagalan akibat merebaknya wabak taun. Tidak kurang daripada 2,000 orang telah mati dalam ekspedisi itu yang dikenali dengan nama 'Ekspedisi Taun'.

Kunjungan pertama Ranee Margaret Alice ke kubu itu disambut dengan suatu tarian yang mengerikan beliau. Disitulah pertama kali beliau melihat suku kaum Iban menggunakan kepala manusia yang sebenar dalam persembahan tarian mengalu-alukan lawatannya.

Akibat terlalu ngeri, beliau lari meninggalkan majlis. Sesampainya sahaja di biliknya, beliau rebah lalu pengsan. Kini kubu Alice dijadikan pusat latihan keselamatan, dewan serbaguna dan juga menjadi tarikan pelancong.



## KUBU EMMA

---

**K**ubu Emma terletak di Kanowit, dalam Bahagian Sibu Kapit. Emma ialah nama saudara perempuan James Brooke.

Kubu Emma telah dibina pada tahun 1859 oleh orang Iban dan Melanau. Pembinaan kubu ini bertujuan untuk mengawal keganasan suku Iban tempatan terhadap suku Melanau dan suku-suku lain di lembah Sungai Rejang.

Kubu ini dibina daripada kayu belian dan buluh. Bentuk kubu ini adalah empat persegi. Dahulunya kubu ini dinamakan Kubu Betong kerana bahan utama binaan kubu ini adalah buluh. Sejurus selepas didirikan, kubu itu ditawan oleh pemberontak Dayak.

Polis keturunan Sikh dan renjer Sarawak mengawal banduan yang dikurung di dalam kubu ini. Sementara itu, di tingkat atas yang kini telah dirobohkan, ditempatkan pejabat Pegawai Daerah serta bilik tetamu. Kini Kubu Emma masih cantik terutamanya kerana kedudukannya terletak di kawasan tanah tinggi, di atas tebing kiri Batang Rajang.



## TAMAN NEGARA LAMBIR

---

Taman Negara Lambir terletak kira-kira 25 kilometer dari bandar Miri. Taman yang diwartakan dalam tahun 1975 ini meliputi kawasan seluas 6,950 hektar dengan dikelilingi hutan tropika yang tebal serta berbukit-bukau.

Taman Negara Lambir mempunyai beberapa buah air terjun, anak sungai dan kolam yang sesuai tempat berkelah dan bermandi-manda. Keunikan Taman Negara Lambir terletak pada Air Terjun Litak yang jernih dan mengalir sejuk. Terdapat juga pelbagai jenis fauna dan flora yang menakjubkan. Ada antara pokok dan bunga hutan itu tidak terdapat di tempat lain.

Untuk memasuki kawasan Taman Negara Lambir ini, pengunjung terpaksa melalui dua buah jambatan. Sebuah jambatan biasa dan sebuah lagi jambatan gantung.

Di sini juga terdapat sebuah binaan kayu yang dipanggil 'menara' yang dibina mengelilingi sebatang pokok kayu balak yang tingginya hampir 30 meter. Dari atas menara ini,

pengunjung dapat melihat pemandangan hutan. Untuk sampai ke puncak menara, pengunjung terpaksa memanjat berpuluhan-puluhan anak tangga.

Selain boleh mandi-manda di kolam air terjun, Taman Negara Lambir juga sesuai untuk pelbagai kegiatan seperti perkhemahan, menjelajah hutan dan mengenali pelbagai jenis tumbuhan.



## GUA NIAH

---

**G**ua Niah terletak 109 kilometer dari bandar Miri, Sarawak. Gua Niah mempunyai kawasan seluas 11 hektar dan luas dalamnya dianggarkan 13 kali ganda padang bola sepak. Gua Niah merupakan gua batu granit yang paling luas di negara ini dan juga di dunia.

Gua Niah juga merupakan gua batu yang paling tua di dunia dan dipercayai telah didiami oleh manusia Zaman Batu kira-kira 40,000 tahun dahulu. Beberapa lukisan di dinding gua telah ditemui dan ini membuktikan manusia Zaman Batu telah mendiami gua ini.

Pada tahun 1950, seorang kurator Muzium Sarawak yang menjalankan cari gali di dalam gua ini telah menemui tengkorak manusia 'Homosapiens' yang dianggarkan hidup 40,000 tahun dahulu.

Untuk sampai ke gua ini, seseorang itu terpaksa menggunakan bot panjang, merentasi jurang dan jeram. Selepas itu, terpaksa pula merentasi jalan sejauh 4 kilometer.

Gua Niah juga terkenal sebagai pusat mencari sarang burung layang-layang yang dibuat ubat. Ubat ini dipercayai dapat menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Kegiatan ini dipelopori oleh kaum Penan yang mendiami kawasan itu pada awal tahun 1900.



## MIRI

---

**M**iri adalah salah sebuah bandar utama di Sarawak. Bandar ini terletak di tepi pantai dalam bahagian Miri. Bahagian Miri terdiri daripada dua buah daerah iaitu Miri dan Baram.

Miri lebih dikenali sebagai bandar perlombongan minyak di Sarawak. Lombong minyak yang pertama diusahakan di sini adalah pada tahun 1910 dan dikenali sebagai '*The Grand Old Lady*'. Pada tahun 1914, sebuah kilang penapis minyak dibina di pekan Lutong, 13 kilometer dari Miri. Di bandar ini terdapat logi penapis minyak yang terbesar di negeri ini. Mengikut catatan sejarah, penemuan minyak di Miri bermula pada tahun 1882.

Miri pada asalnya adalah nama sebatang sungai. Pada zaman dahulu, kawasan hilir sungai ini didiami oleh suku kaum Dale, salah satu cabang kaum Melanau. Mereka berpindah ke kawasan di utara Sarawak itu dari daerah Bintulu.

Suku Dale yang mendiami kawasan Sungai Miri kemudiannya menggelarkan diri mereka sebagai Orang Miri, sempena nama sungai itu. Mereka juga menyebut tempat mereka tinggal itu sebagai Miri.



## TAMAN NEGARA BAKO

Pekan Bako terletak di pinggir Laut China Selatan, kira-kira 26 kilometer dari bandaraya Kuching. Pekan Bako dikatakan dibuka kira-kira 200 tahun dahulu.

Nama Bako dikatakan berasal daripada nama pokok bakau iaitu sejenis tumbuhan yang hidup di kawasan muara dan tepi sungai. Sebutan bakau bagi penduduk di sini ketika itu ialah 'bako'. Setelah beberapa lama, sebutan 'bako' terus melekat dan kekal sehingga hari ini.

Kini Bako merupakan sebuah pekan nelayan yang terkenal di negeri Sarawak. Selain itu, pekan ini sering dikunjungi oleh para pengunjung dan pelancong dalam dan luar negeri kerana hendak menikmati keindahan alam semulajadi yang terdapat di Taman Negara Bako.

Taman Negara Bako ialah taman negara yang pertama di Sarawak dan tertua di Malaysia. Taman ini dibuka pada tahun 1957. Taman Negara Bako terletak kira-kira 25 kilometer ke timur laut Kuching. Pemandangan sekitar pulau seluas 2,742

hektar itu sangat menarik terutamanya keindahan karangan lautnya.

Untuk sampai ke Taman Negara Bako, pengunjung terpaksa menggunakan bot dari pangkalan di pekan Bako dan mengambil masa kira-kira 20 minit perjalanan. Gerbang laut ialah daya tarikan utama pengunjung ke taman ini.

Apabila sampai ke pangkalan Teluk Assam iaitu pintu masuk Taman Negara Bako, terdapat suatu jejantas papan sepanjang kira-kira 50 meter merentasi paya-paya hingga ke Taman Negara Bako. Ia mempunyai kawasan seluas 16.18 hektar dan terletak di tebing Sungai Bako. Ada tiga pantai utama yang cantik di situ iaitu di Teluk Assam, Teluk Paku dan Teluk Pandan Kecil.


Di taman ini disediakan tapak perkhemahan untuk mereka yang berminat berkhemah. Kedudukan Gunung Santubong dapat dilihat dari Teluk Assam tetapi dipisahkan oleh sebuah teluk. Selain itu, terdapat pelbagai jenis flora dan fauna di taman itu. Yang paling menarik ialah keadaan hutan tepi pantai serta tumbuhan curamnya yang begitu indah jika dilihat dari laut.

Dalam hutan di kawasan taman ini terdapat pelbagai jenis binatang liar dan binatang buas. Taman ini turut dihuni oleh pelbagai jenis monyet yang dilindungi di hutan paya terutamanya daripada jenis *proboscis*, *silver leaf* dan *long tail macaques*.

Kera jenis *proboscis* atau kera bermuncung kadang-kadang dipanggil 'orang putih' kerana bulunya berwarna putih kuning langsat. Kera jenis ini hanya terdapat di Borneo.

Begitu juga dengan serangga dan unggas serta pelbagai jenis tumbuhan aneh yang jarang ditemui di hutan-hutan lain. Malah hutan ini pernah mencatatkan tujuh jenis tumbuhan yang tidak ada di tempat lain di dunia.

Pada mulanya Taman Negara Bako diuruskan oleh Lembaga Pemegang Amanah Taman Negara Sarawak tetapi pada tahun 1973, Taman Negara Bako diambil alih oleh Jabatan Perhutanan.



## TAMAN NEGARA GUNUNG MULU

---

Taman Negara Gunung Mulu adalah salah sebuah hutan hujan tropika yang dianggap paling tua di dunia selepas Hutan Hujan Amazon dan Taman Negara Pahang.

Taman Negara Gunung Mulu terletak di Bahagian Miri, Sarawak dahulunya, Bahagian Keempat. Taman yang terletak di pedalaman Bahagian Miri ini mula diwartakan pada tahun 1974 dan mula dibuka kepada umum pada tahun 1985.

Taman Negara Gunung Mulu ialah taman negara yang terbesar di Sarawak dan salah satu taman yang paling unik di dunia.

Ditaman ini terdapat 20,000 jenis binatang daripada pelbagai spesies yang kebanyakannya serangga, serta 3,500 spesies tumbuh-tumbuhan.

Taman Negara Gunung Mulu mempunyai 40 buah gua. Daripada gua-gua itu, hanya empat gua dibuka kepada orang ramai manakala selebihnya masih belum mempunyai

kemudahan infrastruktur khususnya pencahayaan lampu dan laluan perjalanan yang selamat.

Gunung Mulu mula diteroka oleh seorang bangsa Eropah, Spencer St. John pada tahun 1926 yang berakhir dengan kegagalan. Penerokaan seterusnya dibuat oleh suatu ekspedisi yang diketuai oleh Edwards Shackleton dari Universiti Oxford, England pada tahun 1932 yang berjaya sampai di kemuncaknya.

Terdapat beberapa buah gua lain di sini. Gua Rusa, Gua Lang, Gua Angin dan Gua Air Jenih ditemui di sekitar tahun 1978 oleh *Royal Geography Society* yang menjalankan kajian dan ekspedisi di Mulu.

Dari tahun 1980 hingga 1981, pakar-pakar gua British telah menyambung usaha penerokaan gua-gua Taman Negara Mulu itu. Hasilnya mereka telah menemui beberapa buah gua dan terowong yang menakjubkan.

Penemuan Gua Rusa telah diiktiraf sebagai sebuah gua yang mempunyai terowong yang terbesar di dunia dengan jarak lebar 170 meter dan ketinggian 120 meter.

Nama itu digunakan kerana beberapa kesan tapak kaki rusa telah ditemui di mulut gua ini. Gua ini dapat memuatkan lima Gereja St. Paul, gereja yang terbesar di London.

Di dalam Gua Rusa terdapat sebuah gua lagi yang terletak di bahagian atas gua tersebut yang dikenali dengan nama Gua Dalam Gua Rusa. Nama Gua Rusa dikatakan berasal daripada tindakan kaum asli di Mulu sering memburu rusa di gua itu.

Dari dalam gua ini orang ramai dapat melihat sebatang jalan keluar yang memaparkan suatu pemandangan indah dengan tumbuhan alam semula jadi sesuai dengan namanya, Taman Firdaus.

Pengunjung juga dapat melihat bentuk wajah bekas Presiden Amerika Syarikat, Abraham Lincoln dari sudut tepi. Selain itu keistimewaan gua ini ialah terdapatnya 600,000 ekor kelawar yang mendiami gua ini. Pada waktu petang, orang ramai dapat melihat kumpulan-kumpulan kelawar ini dalam jumlah tidak

kurang daripada 34 kumpulan, keluar dengan membentuk barisan bengkak-bengkok seperti ular.

Gua Lang pula mempunyai keistimewaan tersendiri khususnya bentuk batu-batan yang menakjubkan. Antaranya ialah stalagmit, stalaktit, obor-obor dan burung.

Nama gua ini diambil sempena dengan nama seorang pemburu Berawan, Lang Balamek yang mengikuti ekspedisi *Royal Geography Society* pada akhir tahun 1970-an.

Di Gua Angin pula, pengunjung dapat merasakan udara sejuk dan hembusan angin sejuk. Di sini terdapat pintu-pintu masuk sama ada melalui jalan darat atau jalan air. Di dalam gua ini terdapat beberapa batu yang menyerupai bentuk tubuh seorang wanita.

Daripada penerokaan yang dibuat oleh *Royal Geography Society* didapati sistem saluran Gua Angin berhubung kait dengan Gua Air Jernih.

Untuk pergi ke Gua Air Jernih, pengunjung perlu menaiki 200 anak tangga sebelum sampai ke pintu gua. Gua Air Jernih ialah gua yang terpanjang di Asia Tenggara. Panjangnya ialah 51.5 kilometer. Di pintu gua ini terdapat sejenis pokok unik yang mempunyai sehelai daun sahaja. Pokok ini dipanggil *One Leaf Plant*. Pokok ini kebanyakannya tumbuh tergantung di bahagian atas batu-batu gua.

Di dalam gua ini terdapat beberapa cabang anak sungai bawah tanah yang kemudiannya bercantum menjadi Sungai Melinau. Gua Air Jernih juga dikenali sebagai gua kelapan yang mempunyai sistem pengaliran air terpanjang.

Selain daripada gua-gua itu, terdapat sebuah gua yang dinamakan 'Sarawak Chamber' dan masih belum dibuka kepada orang ramai.

'Sarawak Chamber' telah diiktiraf sebagai gua yang mempunyai ruang terbesar di dunia dengan jarak lebar 450 meter, panjang 600 meter dan ketinggian 97 meter. Gua ini dapat menempatkan 40 buah kapal terbang Boeing 747-400

atau memuatkan 16 buah padang bola sepak Stadium Wembley atau 7,500 buah bas.

Terdapat 1,500 jenis spesies tumbuhan di hutan gunung ini termasuk 170 jenis orkid, 67 haiwan jenis mamalia, 262 jenis burung termasuk burung kenyalang, 74 jenis katak, 47 jenis ikan, 281 jenis rama-rama dan 458 jenis serangga.



## TAMAN NEGARA NIAH

---

Taman Negara Niah terletak dalam kawasan batu kapur Niah-Subis iaitu kawasan hutan yang dilindungi dalam Bahagian Miri Sarawak. Keluasan dalam gua menyamai 13 kali ganda padang bola sepak dan merupakan gua yang paling luas di negara ini dan juga di dunia.

Taman Negara Niah terletak kira-kira 110 kilometer ke selatan bandar Miri. Taman ini meliputi kawasan seluas kira-kira 3,100 hektar. Gua Niah sendiri meliputi kawasan seluas 11 hektar. Ia berada setinggi 400 meter dari aras daratan batu pasir di pinggir pantai dan kira-kira 16 kilometer ke daratan di Bahagian Miri Sarawak.

Selain Gua Niah, terdapat juga Gua Lukisan atau Gua Kain Hitam dan Gua Pedagang. Adalah dipercayai bahawa gua ini pernah diduduki oleh manusia purba. Buktinya terdapat lukisan-lukisan pada dinding gua ini. Lukisan ini meliputi permukaan sepanjang 32 meter pada dinding gua itu dan dilukis menggunakan hematit merah, sejenis pigmen asli yang didapati daripada tanah.

Kini Gua Niah diwartakan sebagai kawasan bersejarah di bawah kuasa Muzium Sarawak. Gua ini merupakan gua yang paling tua di dunia.

Daripada kajian yang dijalankan, Gua Niah telah digunakan sebagai tempat perlindungan, keagamaan dan pengebumian oleh manusia purba sejak zaman awal sebelum tamadun manusia bermula, kira-kira 40,000 tahun dahulu. Antara kawasan kaji purba yang paling penting di dalam Gua Niah ialah Lubang Kuala Besar (West Mouth) yang terletak di sebelah barat.

Dipercuryai bahawa Gua Niah telah digunakan oleh manusia dari beberapa peringkat sejak perkembangan manusia. Pihak muzium dan beberapa orang ahli kaji bumi memulakan pekerjaan mencari manusia purba itu pada tahun 1957. Usaha itu dihentikan apabila gua itu dibuka kepada para pelawat dan pelancong yang datang untuk melihat tapak kerja kaji bumi itu dan juga lukisan dinding zaman prasejarah.

Gua Lukisan atau Kain Hitam itu dipercayai berusia lebih daripada 1,000 tahun dan panjangnya ialah 60 meter. Daripada bentuk kesan lukisan yang dilukis di dinding-dinding gua yang menggunakan bahan hematit merah menggambarkan bagaimana cara kehidupan masyarakat pada zaman dahulu kala.

Daripada bahan yang ditemui menunjukkan bahawa Gua Niah pernah diduduki oleh manusia pada Zaman Batu Lama (Zaman Palaeolitik). Ini terbukti daripada bahan yang dijumpai seperti pisau, parang dan pelbagai alatan yang diperbuat daripada batu di gua itu.

Manakala bahan yang dijumpai pada Zaman Batu Baru (Zaman Neolitik) ialah beliung batu. Serpihan tengkorak manusia juga ditemui. Serpihan tengkorak ini dianggarkan berusia 39,000 tahun. Serpihan tengkorak ini dipercayai kepunyaan manusia selepas Zaman Batu (*Homo Sapiens*) yang paling awal pernah ditemui di Asia Tenggara.

Penduduk tempatan dan pelancong tidak dibenarkan mengalih atau mengubah sebarang benda yang terletak di kawasan tapak kaji bumi dan lukisan dinding itu.

Berhampiran dengan lukisan dinding itu, terdapat sebuah beranda kayu dalam bentuk sampan kecil yang dipercayai digunakan untuk menghanyutkan mayat menerusi anak sungai yang mengalir di dalam gua itu.

Keadaan di dalam Gua Niah agak terang kerana sinaran cahaya matahari sampai menerusi pintu masuk gua itu. Udaranya sejuk dan kering. Di dalamnya tinggal berjuta-juta ekor burung layang-layang dan kelawar yang menjadi sumber rezeki kepada sebahagian penduduk tempatan. Kehidupan mereka bergantung penuh kepada gua itu.

Sarang burung yang terhasil daripada air liur pekat burung layang-layang digunakan sebagai ramuan ubat dan juga masakan yang sangat digemari oleh orang Cina iaitu sup sarang burung. Kegiatan memungut sarang burung dipelopori oleh kaum Penan yang mendiami sekitar kawasan itu pada awal tahun 1900.

Musim memungut sarang burung ini adalah pada bulan Januari dan Jun. Ketika itu, pemungut-pemungut sarang burung itu memungut dengan menggunakan tangga buluh, akan memanjat 60 meter untuk mengambil sarang burung yang terletak di bahagian bumbung gua.

Usaha ini boleh diibaratkan sebagai menggadai nyawa tetapi menghasilkan pulangan lumayan kerana harga sarang burung sangat tinggi di pasaran. Selain itu, kelawar yang banyak terdapat di situ juga boleh mendatangkan hasil. Tahi kelawar boleh dijadikan baja.

Taman Negara Niah juga kaya dengan flora dan faunanya. Antara tumbuhan yang banyak terdapat di situ ialah spesies *Balsaminaceae* dan *Beegoniaceae*. Kita juga dapat melihat burung kenyalang, tupai, cicak terbang dan rama-rama Raja Brooke.

**PERPUSTAKAAN NEGERI SARAWAK****Perpustakaan Negeri Sarawak**

Jalan P. Ramlee,  
93572 Kuching,  
Sarawak.

Tel: 082-242911  
Fax: 082-246552

**Waktu Perkhidmatan:**

Iasnin - Sabtu : 9.00 a.m. - 7.00 p.m.  
Ahad : 11.00 a.m. - 4.00 p.m.  
Tutup pada hari kelepasan am.

## PERPUSTAKAAN NEGERI SARAWAK - KUCHING

Perpustakaan Negeri Sarawak yang terdiri dari dua tingkat terletak di Jalan P. Ramlee, Kuching telah dibina pada tahun 1970 dengan kos berjumlah RM400,000.00. Luas kawasan bangunan ini ialah 12.800 kaki persegi yang mengandungi 58 orang kakitangan.

Bahagian Rujukan Perpustakaan Negeri Sarawak, luasnya 9.000 kaki persegi adalah terletak di tingkat bawah Bangunan Dewan Suarah, Jalan Taman Budaya Kuching. Bangunan ini dibina pada tahun 1988. Bahagian rujukan ini dapat menyediakan lebih kurang 220 tempat duduk.

Perpustakaan Negeri Sarawak adalah salah satu unit atau bahagian di Kementerian Alam Sekitar.

### Skop pinjaman dan perkhidmatan adalah untuk:

Perpustakaan Umum dan Desa, Majlis Tempatan, Perpustakaan Institusi seperti Jabatan Kerajaan, Polis, Tentera dan Sekolah.

Perpustakaan Desa untuk masyarakat luar bandar yang tempatnya di pedalaman atau terpencil di mana pihak Majlis Tempatan belum lagi mampu menubuhkan perkhidmatan.

Mengendalikan perkhidmatan perpustakaan bergerak di kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai jalan raya yang baik. Kumpulan sasaran bagi perkhidmatan ini adalah untuk anak-anak sekolah rendah di mana belum lagi terdapat perkhidmatan perpustakaan. Di samping itu ia mengendalikan perkhidmatan rujukan di Kuching buat masa kini.

### Bahagian Perkhidmatan Bergerak:

Perkhidmatan ini dikendalikan dengan menggunakan bas mini muatan 3 tan. Ia akan singgah di sekolah-sekolah rendah yang telah berdaftar dengan pejabat ini. Tempoh perhentian selama 1 1/2 jam ke 2 jam pada setiap sekolah, dalam masa dua minggu sekali. Sehingga kini pihak perpustakaan baru saja mengendalikan 3 tempat perkhidmatan. Antaranya ialah Bahagian Pertama Kuching, Bahagian Sarikei dan Bahagian Sibu.



### **Perpustakaan Rujukan dan Maklumat**

Dewan Suarah Negeri,  
Jalan Taman Budaya,  
93400 Kuching,  
Sarawak.

Bahagian Rujukan Perpustakaan Negeri Sarawak (Luasnya 9,000 kaki persegi) adalah terletak di tingkat bawah Bangunan Dewan Suarah, Jalan Taman Budaya Kuching di mana ia telah dibina pada tahun 1988. Bahagian Rujukan ini dapat menyediakan lebih kurang 220 tempat duduk.

## **Perkhidmatan Perpustakaan Negeri Sarawak**

- \* Menyediakan dan memperkuuhkan koleksi perpustakaan untuk tujuan pendidikan, maklumat dan rekreasi.
- \* Memberi pinjaman longgok tetap (permanent bulk loan) kepada perpustakaan luar bandar.
- \* Pinjaman khas secara pos kepada ahli dewasa individu di mana kemudahan perpustakaan tidak ada.
- \* Menyediakan kemudahan dan bahan-bahan rujukan di Kuching.
- \* Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak.
- \* Memberi Latihan Asas Amali Perpustakaan kepada Pembantu/Penjaga Perpustakaan.
- \* Menubuhkan perpustakaan desa/bilik bacaan di mana pihak Majlis tempatan tidak dapat/mahu menyediakan kemudahan perpustakaan.

## **Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak**

Perkhidmatan ini adalah sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Ianya berupa bas mini dan peruntukan untuk membeli bahan bacaan. Bas mini ini diperuntukkan secara berperingkat-peringkat, iaitu sebuah bas setahun. Setakat ini kita mempunyai 6 unit bas bergerak masing-masing ditempatkan di Bahagian Kuching, Sibu, Sarikei, Samarahan, Miri dan Sri Aman.

Perkhidmatan ini adalah sebagai galakan sokongan bagi membawa bahan-bahan bacaan kepada masyarakat khasnya kanak-kanak sekolah yang tinggal berjauhan dari bandar. Tempat-tempat persinggahan ialah di sekolah-sekolah rendah terletak di tepi jalan raya yang mempunyai halaman yang sesuai. Tempoh bagi bas datang ke sesebuah tempat ialah 2 minggu sekali. Ia diuruskan oleh tiga orang kakitangan iaitu Pembantu Perpustakaan, Pembantu Am Rendah dan Drebar.

Perpustakaan Negeri Sarawak ialah sebuah nama/unit di bawah Kementerian Alam Sekitar yang bertanggungjawab bagi menyelaras perkhidmatan perpustakaan umum di Sarawak dan juga perpustakaan institusi dan perpustakaan bergerak di samping mengendalikan 2 unit perpustakaan rujukan.

## Fungsi Perpustakaan Negeri Sarawak ialah:

- (i) Membantu dan menggalak dalam usaha penuhan perkhidmatan perpustakaan.
- (ii) Memberi nasihat dan latihan amali kepada kakitangan perpustakaan.
- (iii) Perpustakaan Negeri mempunyai bangunannya sendiri terletak di Jalan P. Ramlee, Kuching. Bangunan ini dibina pada tahun 1970. Dalam bangunan ini terdapat 8 bahagian / unit perkhidmatan/ pentadbiran.

## Bahagian-Bahagian di Perpustakaan Negeri Sarawak

### 1. Bahagian Pembangunan

- Seksyen Bahasa Cina
- Seksyen Bahasa Melayu & Bahasa-bahasa lain.
- Seksyen Bahasa Inggeris
- Seksyen Majalah dan Surat Khabar
- Seksyen Teknologi Maklumat

### 2. Bahagian Perpustakaan

- Seksyen Rujukan Dewasa
- Seksyen Rujukan Remaja & Kanak-kanak
- Seksyen Sirkulasi dan Perkhidmatan Luar Bandar
- Seksyen Perpustakaan Bergerak

### 3. Bahagian Perkhidmatan Sokongan

- Seksyen Latihan dan Perhubungan Awam
- Seksyen Pentadbiran dan Kewangan
- Unit Pembaikan dan Penjilidan

## Seksyen Perpustakaan Bergerak dikendalikan oleh:

1. Penolong Pegawai Perpustakaan
2. Pembantu Perpustakaan
3. Pembantu Am Rendah
4. Drebar Bermotor

## **PERPUSTAKAAN DESA**

Perpustakaan Desa adalah perpustakaan separuh masa dibina di tempat-tempat terpencil yang belum lagi mempunyai kemudahan perpustakaan.

Ada 2 jenis Perpustakaan Desa:-

### **1. Dikendalikan oleh Perpustakaan Negeri Sarawak**

Perkhidmatan ini adalah satu projek Luar Bandar sumbangan Kerajaan Persekutuan. Ia disalurkan melalui Perpustakaan Negara Malaysia yang selanjutnya diletak di bawah Pentadbiran Perpustakaan Negeri di setiap negeri di seluruh negara. Perpustakaan Negeri dalam usahanya mengendalikan perkhidmatan ini bekerjasama dengan pihak majlis tempatan dan masyarakat kampung yang terbabit. Projek ini bertujuan membantu Majlis Daerah yang belum berkemampuan hendak memberi perkhidmatan ini.


### **2. Dikendalikan penuh oleh Majlis Daerah**

Majlis Daerah adalah bertanggungjawab memberi perkhidmatan perpustakaan di tempat yang terpencil terletak di bawah bidang kuasanya. Semua urusan perpustakaan desa yang ditubuhkan itu dibiayai penuh oleh pihak majlis.

### **3. Setakat ini sejumlah 128 buah perpustakaan desa telah ditubuhkan seperti berikut:-**

1. Majlis Daerah Luar Bandar Kuching : 33 buah
2. Majlis Daerah Lundu : 6 buah
3. Majlis Daerah Bau : 7 buah
4. Majlis Daerah Betong : 1 buah
5. Majlis Daerah Sarikei : 3 buah
6. Majlis Daerah Meradong & Julau : 6 buah
7. Majlis Daerah Marudi : 7 buah
8. Majlis Daerah Serian : 14 buah

9. Majlis Daerah Samarahan	: 15 buah
10. Majlis Daerah Sri Aman	: 1 buah
11. Majlis Daerah Kapit	: 4 buah
12. Majlis Daerah Kanowit	: 6 buah
13. Majlis Daerah Matu-Daro	: 8 buah
14. Majlis Daerah Dalat dan Mukah	: 2 buah
15. Majlis Daerah Subis	: 1 buah
16. Majlis Daerah Limbang	: 3 buah
17. Majlis Daerah Simunjan	: 7 buah
18. Majlis Daerah Lawas	: 3 buah
19. Majlis Luar Bandar Sibu	: 1 buah



\* Bahagian yang mempunyai perpustakaan desa.

Gambar Perpustakaan Desa boleh dilihat di bahagian Perpustakaan-Perpustakaan Dewan Bandar Raya dan Majlis Tempatan.

#### Alamat perpustakaan daerah:

1. Perpustakaan Umum Marudi,  
Pejabat Majlis Daerah Marudi,  
98050 Marudi, SARAWAK.
2. Perpustakaan Umum Bekenu,  
Pejabat Majlis Daerah Subis,  
98150 Bekenu, SARAWAK.
3. Perpustakaan Umum,  
Lembaga Kemajuan Bintulu,  
97007 Bintulu, SARAWAK.
4. Perpustakaan Uum Limbang,  
Pejabat Majlis Daerah Limbang,  
98700 Limbang, SARAWAK.

## Perpustakaan Dewan Bandar Raya Kuching Utara



### Perpustakaan Dewan Bandar Raya Kuching Utara

Jalan P. Ramlee,

93400 Kuching,

Sarawak.

Tel : 082-244403 / 082-248099

Fax: 082-240920

E-Mail: dbkulib@po.jaring.my

#### Waktu Perkhidmatan:

Isnin : Tutup

Selasa - Jumaat : 9.00 am - 9.00 pm.

Sabtu : 9.00 am. - 7.00 pm.

Ahad : 10.00 am. - 5.00 pm.

## PERPUSTAKAAN DBKU

Perpustakaan Bandar Raya DBKU menyediakan perkhidmatan maklumat dan berbagai jenis koleksi buku yang meliputi semua bidang dan minat. Skop koleksi kami semakin meluas demi untuk memenuhi minat dan keperluan penduduk Bandar Raya Kuching dan kami juga menyediakan pelbagai aktiviti di perpustakaan.

### BAGAIMANA MENJADI AHLI?

Kalau anda penduduk Bandar Raya Kuching, anda layak untuk menjadi ahli. Sila kemukakan:

1. RM6.00 - (RM5 - Bayaran tahunan; RM1 untuk membuat kad ahli).
2. Kad Pengenalan, pasport atau Sijil Kelahiran.
3. Bukti anda penduduk Kuching (seperti bil telefon, bil elektrik, bil air, dan lain-lain).
4. 2 keping gambar warna berukuran Kad Pengenalan.

### SIAPA BOLEH MENGGUNAKAN KAD SAYA?

Hanya ANDA boleh menggunakan kad ahli sendiri. Kad ahli tidak boleh dipindah milik kepada orang lain. Simpanlah kad anda dengan cermat kerana anda akan dipertanggungjawab terhadap buku-buku yang dipinjam dengan menggunakan kad tersebut. Maklumkan kepada kami atas pertukaran alamat anda ataupun kehilangan kad ahli anda. Bayaran RM5.00 akan dikenakan jika kad ahli anda hilang.

### BERAPAKAH BUKU BOLEH SAYA PINJAM?

Anda boleh meminjam 3 buah buku sahaja untuk 14 hari.

### Memperbaharui Tarikh Pemulangan Buku

Anda boleh memperbaharui tarikh pinjaman buku-buku anda sekali sahaja untuk 14 hari jika tidak ada pengguna lain memerlukan buku-buku tersebut. Anda boleh memperbaharuiinya dengan datang sendiri ke Perpustakaan, melalui kiriman pos, telefon ataupun faksimili.

## BAGAIMANA KALAU ANDA TIDAK ADA BUKU YANG SAYA PERLUKAN?

Kami menyambut baik cadangan anda tentang pembelian buku ataupun membaiki perkhidmatan perpustakaan kami. Kami cuba sebaik mungkin untuk menunaikan keperluan maklumat anda.

Kebanyakan ahli perpustakaan kami ialah golongan yang bertanggungjawab dan kami sangat bangga kerana mempunyai anda sebagai ahli kami. Walau bagaimanapun ada segelintir ahli kami menyalahgunakan peluang dengan tidak memulangkan buku yang dipinjam ataupun menyebabkan buku yang dipinjamkan itu rosak.

### Apa akan terjadi jika saya tidak memulangkan buku dalam masa yang ditetapkan?

Denda akan dikenakan jika buku dihantar lewat dan bayarannya ialah 10 sen sebuah buku sehari. Jika bayaran denda tidak dijelaskan kemudahan, meminjam buku akan ditarik balik.

### Bagaimana kalau buku yang saya pinjam itu hilang atau rosak?

Anda perlu membayar kos sebanyak 150% atas harga buku. Contoh: jika harga buku tersebut ialah RM45, dari itu anda perlu membayar RM67.50 (RM45 X 150%).

Pastikan buku yang hendak dipinjam itu tidak diconteng, cacat atau rosak. Segera maklumkan buku yang hilang kepada kami sebelum anda dikenakan bayaran kerana jika buku telah dijumpa, maka anda cuma dikehendaki membayar kos lewat hantar sahaja. Tidak ada bayaran balik jika bayaran telah dibuat.

## PERKHIDMATAN LAIN

### APAKAH PERKHIDMATAN LAIN YANG DISEDIAKAN?

Perkhidmatan Kami Merangkumi:

#### **Perkhidmatan Tempahan Buku**

Jika buku yang diperlukan tidak ada, anda boleh menempah dengan mengisi Borang Tempahan dan serahkan kepada kakitangan yang bertugas

di kaunter. Anda akan dihubungi melalui pos/telefon secepat mungkin tentang buku berkenaan.

### **Perkhidmatan Fotostat**

Mesin fotokopi disediakan dan anda boleh menanyakan kakitangan yang bertugas tentang bayaran.

### **Kad Katalog**

Perpustakaan kami menggunakan **Pengkelasaran Dewey Decimal** untuk mengkelaskan buku. Kad Katalog kami disusun mengikut abjad diikuti oleh kad pengarang, kad tajuk, kad perkara dan kad no. kelas.

Jika masih ada kesulitan mencari tajuk buku, sila bertanya dengan kakitangan kami yang bertugas di kaunter.

### **OPAC - Online Public Access Catalogue**

Perkhidmatan OPAC disediakan untuk memudahkan anda mencari buku. Ada 2 terminal OPAC di tingkat 1 disediakan untuk kemudahan ini.

### **Peti Pemulangan Buku**

Peti pemulangan buku disediakan untuk kemudahan anda. Anda boleh memulangkan buku anda dengan selamat walaupun Perpustakaan kami ditutup.

### **Pameran Buku Terkini**

Jika anda ingin mengetahui perkembangan terkini tentang buku terbaru, silalah datang ke sudut "**Pameran Buku Terbaru**".

## **INTERNET**

### **INTERNET**

Anda boleh mengguna perkhidmatan atas talian **Internet** yang disediakan. Bayaran akan dikenakan untuk perkhidmatan ini.

- \* Sila hubungi kakitangan yang bertugas di kaunter untuk maklumat lanjut.

## PINJAMAN ANTARA PERPUSTAKAAN

